



Submission date: 16/08/2017

Accepted date: 21/11/2017

## PEMBINAAN KRITERIA FILEM PATUH SYARIAH DI MALAYSIA

*A Development of Syariah Film Criteria in Malaysia*

Hajar Opir<sup>a1</sup>, Mohammed Yusof<sup>b2</sup>, Luqman Abdullah<sup>b3</sup>, Norrodzoh Binti Hj Siren<sup>b4</sup>, Yusmini Md Yusoff<sup>b5</sup>, Wan Yusnee Abdullah<sup>c6</sup>

<sup>a</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM

<sup>b</sup>Akademi Pengajian Islam, UM

<sup>c</sup>Pusat Pembangunan Pengajaran Asasi, Universiti Selangor

abuaqilah02299@yahoo.com

### Abstrak

Filem sebagai naskhah seni memberi impak yang besar kepada masyarakat. Namun, filem tempatan masih kurang memberi nilai positif terhadap pembinaan karakteristik disebabkan majoriti pengarah dan penerbit filem ghairah menghasilkan filem mengikut rentak pasaran dan berorientasikan keuntungan. Tidak dinafikan terdapat filem berunsur dakwah tetapi masih terdapat elemen yang tidak mematuhi piawaian syarak walaupun wujud garis panduan hiburan. Justeru, kajian ini sangat signifikan untuk membina mekanisme yang boleh dijadikan panduan kepada pemain industri filem. Metode kajian menggunakan reka bentuk kualitatif melalui analisis isi kandungan berdasarkan hukum fiqh, fatwa-fatwa dan garis panduan berkaitan filem. Ia juga menggunakan metode wawancara dan observasi. Hasil kajian adalah membina kriteria filem patuh syariah yang bersifat holistik dan mampu menjadi garis panduan dalam penghasilan filem yang berkualiti.

Kata Kunci: pembinaan, kriteria, filem, patuh syariah.

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM.

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam, UM.

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam, UM.

<sup>4</sup> Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam, UM.

<sup>5</sup> Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Islam, UM.

<sup>6</sup> Pensyarah di Pusat Pembangunan Pengajaran Asasi, Universiti Selangor.

### Abstract

Films are arts that reveal the social reality of people through various genre and have delivered great impacts to our society. However, Malaysian films still lack of positive value in building character due to majority of directors and film producers who are eager to produce films according to the market trend and are always profit oriented. It is undeniable that there are films with daqwah elements but there are some elements that do not follow the standard syarak despite the existence of entertainment guidelines. Therefore, this study is very significant to build a mechanism that can be a guideline to whoever are involved with the film industry. The methodology of this study used a quantitative framework through content analysis according to the fiqh law, fatwa and guideline related to films. An interview and observation methods also had been used Findings are used to build films criterias that follow the holistical law of syariah and can be a guideline in producing a quality film.

Keyword: construction, criteria, film, syariah compliance.

### PENDAHULUAN

Filem merupakan inovasi garapan manusia menerusi paparan cerita. Ia juga menggambarkan cerminan budaya masyarakat tertentu yang lahir daripada cetusan dan pemikiran pembikinnya. Justeru, sesebuah filem mengandungi mesej yang ingin diketengahkan kemudiannya diolah menjadi sebuah cerita yang berkualiti agar sampai kepada audien. Kejayaan karya filem pula adalah hasil kombinasi pelbagai elemen seperti penulisan skrip, watak, plot, latar, unsur bunyi, nyanyian, dialog, dan sebagainya.

Pembinaan berasal dari kata akar bina. Menurut *Kamus Dewan* ia membawa maksud perbuatan atau kegiatan atau usaha membina. Ia juga bererti perbuatan membina. Kriteria pula adalah ukuran (asas pertimbangan) untuk menentukan nilai (baik buruknya) atau dasar untuk menetukan nilai (kategori) sesuatu. Patuh pula bermaksud menurut (perintah, peraturan, hukum dan lain-lain), taat dan tidak membantah. Ia juga bererti tidak membantah sebarang suruhan atau perintah (Noresah Baharom, 2007).

Manakala syariah didefinisikan sebagai perundangan Islam. Menurut Muhammad Rashid Redha ia bererti undang-undang atau aturan-aturan yang bersifat *amaliyyah* (praktikal) dan berbeza menurut perbezaan Rasul (Muhammad Rashid Redha, 1967). Ia merujuk kepada segala hukum-hakam yang disyariatkan oleh Allah SWT kepada hambanya untuk diikuti sama ada hubungannya kepada Allah dan hubungan sesama manusia berdasarkan dalil-dalil utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah (Hasbi Ashidqi, tt). Justeru, syariah ialah undang-undang, aturan-aturan dan ketetapan-ketetapan Allah SWT yang diperuntukkan oleh manusia dalam rangka mengatur hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia untuk mencapai kesejahteraan, keamanan dan kedamaian di

dunia bagi menyelamatkan mereka bagi mencapai kehidupan abadi di alam akhirat (Jafril Khalil, 1999). Para ulama kemudiannya berijtihad untuk mengeluarkan hukum-hukum sesuai dengan realiti dan kondisi semasa berdasarkan ilmu dan kefahaman terhadap dalil-dalil utama seperti *qiyyas*, *maslahah*, *istihsan*, *isitishab*, *sadd zari'ah* dan lain-lain lagi. Justeru, patuh syariah bermaksud keakuran terhadap piawaian syarak secara total dalam kehidupan berpandukan hukum dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT berasaskan sumber utama (*primer*) dan sumber sokongan (*sekunder*).

Filem pula bermaksud lakon (cerita) gambar hidup atau segala sesuatu yang berkaitan dengan gambar hidup (Adi Prajaya, 1999). Ia juga disebut *movie* atau *cinema* iaitu gambar hidup berbentuk seni yang popular bagi tujuan hiburan dan perniagaan (Heru Efendi, 2002). Ia juga adalah imej yang terhasil dalam bentuk bergerak yang mengandungi unsur-unsur penceritaan yg ditulis, diolah dalam bentuk dialog, visual dan bunyi, yang kemudiannya dirakam menggunakan kamera, diolah dengan menggunakan berbagai-bagai kepentingan dan matlamat untuk dipamerkan serta tayangan di panggung-panggung wayang dan televisyen (Anisah Sarji et al., 1996). Menurut Naim Hj Ahmad filem ialah wahana kreatif yang bersifat kreatif (*discursive*) melibatkan idea dan pemikiran, analisis, kritikan, fungsi, matlamat dan pelbagai kemahiran yang memaparkan cerita serta cermin kepada budaya masyarakat tertentusama ada cerita itu benar, khayalan atau cerita yg digarap secara harmoni menjadi syot, kesatuan syot-syot menjadi jujuk, kesatuan jujuk menjadi babak dan seterusnya kesatuan babak-babak menjadi sebuah teks atau cerita (Naim Hj Ahmad (2011).

Justeru, pembinaan kriteria filem patuh syariah bermaksud usaha membangunkan nilai tertentu sebagai piawaian yang boleh dijadikan ukuran berdasarkan prinsip syarak yang bersifat holistik dan mapan.

## **PERKEMBANGAN FILEM**

Filem telah mengalami evolusi yang pesat daripada asalnya sebagai wahana hiburan dan medium pendidikan kepada bentuk komersial iaitu sebagai sumber profesion yang berorientasikan keuntungan. Filem tempatan telah mengalami banyak perubahan besar dengan pelbagai variasi genre. Malah indikator perkembangan filem tempatan dapat diukur dengan peningkatan kuantiti dan kualiti filem, jumlah kutipan dan penonton. Jadual 1 dan 2 membuktikan kenyataan ini.

**Jadual 1: Data Filem Cerea Tempatan 2012 – 2016**

Filem Tempatan	2012	2013	2014	2015	2016
Jumlah Filem	76	71	84	82	46
Kutipan Kasar (juta)	RM 97.29	RM 85.34	RM 78.61	RM 52.99	RM 80.34
Penontonan (juta)	56.90	61.02	61.80	68.11	71.63

(Sumber: FINAS 2017)

Jadual 1 menunjukkan trend peningkatan jumlah filem dari tahun 2012 hingga 2016. Dalam tempoh lima tahun peningkatan filem yang ditayangkan sebanyak 67.3%. Bilangan penonton filem juga mengalami peningkatan ketara dalam selang 11 tahun iaitu meningkat lebih sekali ganda iaitu daripada 25.92 juta penonton pada tahun 2005 kepada 71.63 juta penonton pada tahun 2016. Manakala jumlah kutipan kasar tayangan filem di Malaysia telah meningkat empat kali ganda iaitu daripada 217.35 juta pada tahun 2005 kepada 893.59 juta pada tahun 2016. Walaupun secara umumnya kutipan kasar mengalami penurunan dalam tempoh 2012 hingga 2016 tetapi tahun 2016 kutipan kasar melonjak naik kepada RM80.34 juta. Malah tiga (3) filem mencatat RM 15 juta ke atas. Ini membuktikan bahawa filem tempatan terus mendapat tempat dihati peminat dan diiktiraf kualiti pembikinan filem tersebut.

**Jadual 2: 10 Filem Terbaik Mengikut Kutipan Tertinggi dan Genre**

Bil	Judul Filem	Genre	Kutipan (RM/juta)	Tahun
1	Munafik	Seram	19.00	2016
2	Polis Evo	Aksi	17.47	2015
3	The Journey	Famili	17.17	2014
4	Ola Bola	Drama	16.67	2016
5	Boboiboy The Movie	Aksi	15.74	2016
6	KL Gangster	Aksi	11.74	2011
7	Ombak Rindu	Cinta	10.9	2011
8	Hantu Bonceng	Seram	8.54	2011
9	Ngangkung	Seram	8.18	2010
10	Kongsi	Aksi	8.09	2011

(Sumber: FINAS 2017)

Jadual 2 menunjukkan 10 filem yang menduduki ranking tertinggi sehingga julai 2017. Filem bertajuk Munafik merangkul kutipan paling tinggi dalam sejarah perfileman Malaysia dengan kutipan kasar iaitu RM19.00 sementara kutipan terendah dalam ranking ini adalah filem berjudul kongsi iaitu mencatat RM8.09 juta. Lima buah filem melepas RM15 juta manakala tiga buah filem bersaing hebat dalam kedudukan melepas 17 juta. Ini menunjukkan kualiti filem tempatan setanding dengan filem terbitan luar negara. Ironinya seiring dengan kerancakan penerbitan filem-filem tempatan, nilai-nilai murni yang menjadi tonggak pembangunan pemikiran dan peradaban masyarakat semakin terhakis. Pengarah dan penerbit filem masing-masing berlumba-lumba menghasilkan filem yang memenuhi kehendak pelanggan tanpa memikirkan implikasinya kepada audien. Ini dapat dibuktikan berdasarkan Jadual 2. Empat daripada 10 filem terbaik adalah dalam genre aksi (*Polis Evo, Boboiboy The Movie, KL Gangster* dan *Kongsi*). Manakala tiga daripadanya dalam genre seram (*Munafik, Hantu Bonceng* dan *Ngangkung*).

Situasi ini agak membimbangkan kerana genre aksi dan seram boleh mengundang kesan negatif terhadap tingkah laku masyarakat terutama kanak-kanak dan remaja. Kajian mendapati filem aksi yang memaparkan watak agresif boleh mempengaruhi sikap remaja ke arah negatif seperti suka bergaduh, mengugut, membuli, vandalisme dan mengeluarkan kata-

kata lucah (Azizi Yahaya et al., 2014). Begitu dari aspek kognatif dan efektif (Zoheir Sabaghpoor Azarian, 2009). Genre seram menatihkan sifat negatif seperti perasaan dan keimbangan yang melampau (Zahazan Mohamed, 2006). Ia juga menyuburkan perbuatan khurafat, tasyul dan syirik kepada Allah SWT (Siti Aisyah Bt Hadi Munir @ A. Hadi & Muhamad Faisal Bin Ashari, 2015).

### **REALITI SEMASA**

Persepsi umum terhadap filem bercorak Islam dan dakwah adalah positif. Menurut Dasuki filem merupakan elemen yang cukup berkesan dalam mencetuskan kesedaran dan keinsafan di samping wahana dakwah serta wadah dalam mempertahankan syiar Islam (Dasuki, 2011). Ini diperkuuhkan oleh Norman yang menyatakan penghasilan filem berunsur Islam sangat relevan kerana melihat kepada genre itu sendiri sebagai satu institusi sosial dan budaya (Norman, 2014). Sebagai contoh filem Munafik karya Syamsul Yusuf yang telah menduduki rating tertinggi kutipan pecah panggung dengan kutipan 19 juta (FINAS, 2017), diiktiraf sebagai karya yang mengangkat elemen-elemen agama (mstar, 2016). Walaupun bergenre seram tetapi menampilkan pengisian nilai moral dan agama yang bermanfaat (utusan, 2016), unsur kerohanian yang menyentuh jiwa penonton (sinarharian, 2016) dan barisan pelakonnya menutup aurat serta tiada babak sentuhan lelaki dan wanita yang bukan mahram (mstar, 2016). Ini membuktikan beberapa aspek klise yang lazim dalam babak filem mampu dipinggirkan tetapi tetap berkualiti dan mendapat sambutan hebat daripada audiensi.

Namun, kepesatan penerbitan filem dalam pelbagai genre di Malaysia hakikatnya masih memerlukan panduan agar menepati piawaian syarak. Sebagai negara yang memartabatkan Islam bahkan termaktub dalam perlombagaan Malaysia dalam perkara 3(1) iaitu Islam ialah agama bagi Persekutuan maka usaha-usaha bagi menegakkan syariat Islam hendaklah menjadi prioriti termasuk keseniaan dan kebudayaan. Filem merupakan salah satu cabangnya.

Tidak dinafikan bahawa terdapat garis panduan yang berkaitan dengan filem telah wujud seperti garis panduan yang diterbitkan oleh Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) iaitu garis panduan Hiburan Islam, garis panduan penapisan bahan penerbitan berunsur Islam, garis panduan bahan-bahan penyiaran berunsur Islam, garis panduan bahan penerbitan bercetak dan audio visual berhubung dengan unsur-unsur yang bercanggah dengan akidah ahli sunnah wal-Jamaah (JAKIM, 2015), garis panduan penapisan filem (Kementerian Dalam Negeri, 2011) dan garis panduan penggambaran filem dan persembahan artis luar negara (KPKK, tt). Namun, semua garis panduan tersebut masih bersifat umum dan tidak mencakupi elemen-elemen filem yang sepatutnya.

Justeru, pembinaan kriteria filem patuh syariah yang holistik beserta perincian elemennya adalah signifikan demi memartabatkan ketinggian agama tanpa meminggirkan seni dan kebudayaan sebelum mewujudkan

garis panduan filem patuh syariah itu sendiri. Malah secara positifnya kriteria ini mampu menjadi pedoman kepada para pemain industri filem khususnya pengarah dan penerbit filem.

## **APLIKASI ELEMEN FILEM**

Bagi mewujudkan kriteria filem patuh syariah yang holistik sifatnya ia mestilah berkolerasi dengan elemen filem. Sinergi antara kedua-dua aspek ini sangat penting bagi menjamin kualiti karyawan di samping utuh dalam ufuk piawaian syarak. Sesebuah filem mempunyai beberapa elemen yang penting bagi memastikan kejayaan penerbitannya. Hilmawan Pratista menyatakan terdapat dua elemen utama iaitu kandungan atau bentuk (*form*) dalam bentuk cerita iaitu *naratif* atau *non narratif* dan gaya (*style*) atau *sinematik* iaitu cara atau dengan gaya seperti apa bahan yang digarap. Elemen *naratif* adalah bahan yang akan diolah manakala elemen *sinematik* adalah cara atau gaya untuk mengolahnya (Hilmawan Pratista, 2009). Menurut Naim Hj Ahmad filem hanya dapat dikatakan sebagai filem jika ia memiliki empat elemen iaitu (Naim Hj Ahmad, 2011);

### **1. Teks**

Teks adalah elemen utama dalam filem. Ia umpama tulang belakang atau '*blueprint*' kepada keseluruhan cerita dalam filem yang lahir daripada cetusan idea pemikiran atau ilham seseorang penulis. Hasil curahan idea ini akan menjadi teks naskhah yang akhirnya diterjemahkan ke dalam bentuk realiti mengikut imiganisasi seseorang pengarah (Mark De Wayne, 2002). Ia merupakan rangkuman kesatuan bingkai-bingkai yang menjadi syot. Kesatuan syot-syot yang digarap dengan baik menjadi babak (*scene*). Kesatuan babak-babak yang digarap secara harmoni itu menjadi jujuk (*sequence*). Akhir sekali kesatuan garapan jujuk-jujuk ini menjadi sebuah filem. Ia umpama kata-kata: "*jika tidak pada halaman ia tidak di atas pentas*" (Jason J. Tomaric, 2011). Antara elemen sesebuah teks ialah skrip (idea dan cerita, pergerakan watak, visual, audio, muzik dan latar), plot dan dialog. Menurut William Kenney struktur standard plot adalah terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian awal (informasi pengenalan penceritaan), bahagian tengah (pengembangan cerita, konflik dan klimaks) dan bahagian akhir (solusi dan penyelesaian) (William Kenney, 1975).

### **2. Watak**

Watak adalah nadi dalam sesebuah filem yang akan menggerakkan penceritaan menjadi sebuah realiti yang segar. Wataklah yang memainkan peranan utama untuk menghidupkan cerita dan peristiwa sepanjang kisah filem itu dipaparkan. Skrip yang hebat tidak memadai untuk menghasilkan filem yang mantap tanpa didokong oleh mutu lakonan yang berkualiti. Dalam filem terdapat tiga kategori watak yang mewarnai sesebuah filem iaitu *protagonis* (watak utama dalam sesebuah filem yang memegang peranan khas dalam kisahnya. Watak utama boleh diklasifikasi sebagai hero atau penjahat dalam sesebuah cerita. Dia hanya merupakan watak yang memegang peranan utama), *antagonis* (watak atau sekumpulan watak yang menentang protagonis. Atau juga dikenali

sebagai watak jahat.) dan watak sokongan. Para pelakon dipilih bersesuaian dengan jalan cerita yang telah diputuskan oleh pihak penerbit (Naim Hj Ahmad, 2011).

### **3. Lokasi atau Latar**

Lokasi atau latar adalah set penggambaran bagi seluruh babak dalam sesebuah filem. Lokasi boleh sahaja set yang dibentuk atau dibentuk semula atau merupakan lokasi sebenar di lapangan. Penggambaran di lokasi sebenar akan memberi kesan yang realiti kepada penceritaan. Namun, ia boleh meningkatkan kos penggambaran (Jason J. Tomaric, 2011). Justeru, aspek paling penting adalah menguruskan lokasi penggambaran dengan kelolaan yang sistematik. Semua kru penggambaran, pelakon, pengarah, penataan cahaya dan bunyi akan turun bagi melihat secara langsung lokasi tersebut di samping mempertimbangkan kesesuaian dengan skrip dan merancang plan B jika penggambaran di buat di tempat umum (Heru Effendy, 2002). Jika penggambaran di buat di restoran atau bangunan tertentu ia mestilah mempastikan telah berbincang dengan tuan punya restoran terlebih dahulu (Jason J. Tomaric, 2011). Latar juga merangkumi tempoh dan masa tertentu dalam penceritaan.

### **4. Penonton**

Terdapat dua klasifikasi masyarakat filem iaitu pekerja kreatif dan penonton filem. Tidak dinafikan bahawa filem yang dihasilkan mestilah mempunyai khalayak penontonnya. Jika tidak ia ibarat seperti syok sendiri. Sekiranya ini tidak berlaku, maka seluruh usaha optimum yang dicurahkan akan menjadi sia-sia (Naim Hj Ahmad, 2011). Justeru, penonton dan filem saling berinteraksi antara satu sama lain. Hubungan intim ini akan menjadi pendorong yang kuat dan mempengaruhi tingkahlaku serta daya pemikiran penonton. Filem ibarat terapi dan pengubat jiwa, pembakar semangat patriotisme, pendidikan, latihan, melahirkan perasaan kasih sayang dan memahami kemanusiaan sejagat. Contohnya filem *Bukit Kepong* (Jins Shamsuddin), *Anakku Sazali* (P. Ramlee) dan *Abang* (Rahim Razali) sarat dengan nilai-nilai yang positif dari aspek pengisian dan garapannya.


## **METODE KAJIAN**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif melalui analisis kandungan. Metode obsevasi dilaksanakan bagi membentuk kriteria patuh syariah berdasarkan prinsip, hukum fiqh, fatwa dan garis panduan berkaitan filem yang sedia ada. Bagi memastikan keabsahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) wawancara dijalankan kepada lima (5) kumpulan pakar bidang yang berkaitan dengan filem dan Islam iaitu pihak mufti, JAKIM, TV Hijrah, juri dan pengarah filem. Ia kemudiannya diproses menggunakan ATLAS.ti berasaskan Strauss and Corbin's (Strauss dan Corbin's, 1998)

## RANGKA TEORITIKAL PEMBINAAN KRITERIA FILEM PATUH SYARIAH

Rajah 1 menunjukkan keseluruhan proses bagi pembinaan kriteria filem patuh syariah. Bermula dengan prinsip Islam sebagai landasan penting dalam spektrum falsafah Islami kemudian bersandarkan kepada hukum-hukum fiqh yang berkaitan dengan filem selari dengan empat (4) mazhab yang muktabar dan mencakupi isu-isu kontemporari. Akhirnya menjadi keperluan yang kritikal untuk meneliti fatwa-fatwa dan garis panduan yang telah wujud agar penambahbaikan yang bakal digunakan adalah signifikan dan menepati tuntutan agama.

**Rajah 1: Pembinaan Kriteria Filem Patuh Syariah**



### Prinsip

Karya filem mestilah dipandu oleh prinsip-prinsip Islam agar ia menjadi garis panduan bagi mempastikan segala bakat dan potensi yang dianugerahkan oleh Allah SWT dapat dikembangkan dalam ruang lingkup yang positif. Prinsip-prinsip tersebut adalah akidah, syariah dan akhlak.

Pertama: Akidah bermaksud swadaya kepada rukun iman dan rukun Islam berdasarkan kepada dalil yang sahih sehingga mencapai darjat yakin (Mustafa Said Al-Khan, 1996). Ia adalah doktrin yang asasi dan mendasari kehidupan setiap muslim sehingga mampu membentuk segenap pemikiran, emosi dan tingkah laku seseorang berdasarkan syariat Islam (Muhammad Hamidullah, 1983). Keutuhan akidah terbentuk dari jalinan tiga unsur iaitu unsur pemikiran (*aql*), daya memilih (*iradah*) dan perasaan (*wujdan*) (Mohd Sulaiman Hj. Yasin, 1987).

Kedua: Syariah bermaksud perundangan Allah SWT yang merangkumi hukum-hukum *i'tiqadiyah*, *'amaliah*, *akhlakiah* yang mengatur kehidupan manusia merentasi pelbagai bidang seperti ibadah, muamalah, munakahat, jenayah, ekonomi, sosial dan sebagainya (Maznah Daud, 1997). Sumbernya adalah dari sumber primeri (al-Quran dan Hadis) dan sumber sekunder (ijmak, qias dan sebagainya). Ketiga: Akhlak bermaksud tingkah laku seseorang yang telah menjadi tabiat dan gambaran bagi menunjukkan zahir dan batin seseorang (Abdullah Muhammad Zain, 1992). Sifat-sifat semula jadi yang memang ada pada

dirinya sama ada ia pembawaan diri dari segi tingkah laku atau perangai sama ada secara fitrah atau pembentukan (Ghazali Darusalam, 1997).

Prinsip-prinsip ini menjadi kerangka yang utuh sebagai landasan dan garis sempadan yang mampu memandu pengkarya dalam penghasilan filem yang akur kepada kehendak dan ajaran Islam tanpa menafikan kreativiti dan inovasi.

### **Hukum-hukum Fiqh**

Hukum-hukum fiqh yang berkaitan dengan filem berasaskan rujukan kitab fiqh empat mazhab dalam kalangan ahli Sunnah wal-Jamaah. Aspek-aspek yang berkaitan dengan filem adalah;

- i) Pakaian dan aurat
- ii) Muzik dan Nyanyian
- iii) Ikhtilat @ Pergaulan Lelaki dan Wanita
- iv) Ruang dan Perkakasan
- v) Gambar, Ukiran dan Foto
- vi) Genre
- vii) Bahasa (*verbal* dan *non verbal*)

### **Fatwa-fatwa Berkaitan Filem**

Terdapat enam fatwa berkaitan filem dan elemen yang berkaitan dengannya yang telah dikeluarkan sehingga 2016. Ia terdiri daripada tiga fatwa yang dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam (MJMFK), dua fatwa yang diwartakan di negeri Selangor dan satu fatwa yang diwartakan di negeri Johor. Fatwa yang dikeluarkan oleh MJMFK adalah bersifat pandangan manakala fatwa di peringkat negeri adalah berstatus diwartakan dan mempunyai implikasi perundangan. Fatwa-fatwa tersebut adalah seperti dalam jadual 3 berikut;

### Jadual 3: Fatwa-Fatwa Berkaitan Filem di Malaysia

Bil	Tajuk Fatwa	Kategori Fatwa	Tarikh Keputusan
1	Hukum Mengiringi Bacaan al-Quran Dengan Muzik dan Menggunakan Matan Hadith, Terjemahan al-Quran serta Terjemahan Hadith sebagai Lirik Lagu	MFNSel	20 Disember 2012
2	Hukum Tarian Poco-poco dan Seumpamnya Menurut Perspektif Islam	MJMFK	12 April 2011
3	Pandangan Berkenaan Filem Menghina dan Mempersenda Tuhan dan Nabi Nuh A.S	MFNJoh	4 Jun 2009
4	Hukum Rakaman Nasyid Berbentuk Doa	MFNSel	5 Februari 2007
5	Amalan Kebatinan Dalam Kesenian Tradisi Masyarakat Melayu	MJMFK	2007
6	Hukum Rakaman Lagu-lagu Nasyid Bentuk Doa	MJMFK	13 Jun 2005

Berdasarkan fatwa-fatwa di atas, fatwa terhadap filem dan yang berkaitan dengan filem hanya mencakupi isu nyanyian, muzik dan tarian yang merupakan veribel kepada syariat. Manakala isu khurafat dan kebatilan mewakili veribel aqidah.

#### Garis Panduan Berkaitan Filem

Terdapat tiga garis panduan filem dan hiburan yang terdapat di Malaysia daripada pihak yang berautoriti iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL).

- a) Garis Panduan JAKIM Berkaitan Filem.
  - i) Garis Panduan Hiburan Dalam Islam -edisi 2 (JAKIM, 2015).
  - ii) Garis Panduan Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam (JAKIM, 2015).
  - iii) Garis Panduan Kandungan Bahan-bahan Penyiaran Berunsur Islam (JAKIM, 2015).
  - iv) Garis Panduan Bahan Penerbitan Bercetak dan Audio Visual Berhubung dengan Unsur-unsur yang Bercanggah dengan Akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah (JAKIM, 2015).

Garis panduan hiburan dalam Islam telah dikeluarkan oleh pihak JAKIM. Terbitan tahun 2015 adalah edisi kedua dan yang terkini. Ia merupakan hasil Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-107 yang telah diadakan pada 10-11 februari 2015. Kandungan garis panduan hiburan ini menyentuh lima item penting iaitu artis, persempahan, lagu, penganjuran dan klip video. Dalam item artis garis panduan memfokuskan kepada aspek keperibadian dan penampilan sementara persempahan menyentuh seni pentas, nyanyian dan tarian. Item lagu pula memperincikan lokasi, masa, kelulusan dan percampuran lelaki dan wanita. Manakala klip video menyentuh mesej, visual dan unsur positif. Manakala garis panduan bahan penerbitan berunsur Islam, penapisan kandungan bahan-bahan penyiaran berunsur Islam dan bahan penerbitan bercetak dan audia visual berhubung dengan unsur-unsur yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah adalah berstatus penerbitan dalaman bukan untuk hebahan umum. Garis panduan bahan penerbitan berunsur Islam menyorot isu-isu akidah, sumber hukum dan pegangan mazhab Ahli Sunnah wal-Jamaah serta fatwa dan pendapat jumhur ulama'. Garis panduan penapisan kandungan bahan-bahan penyiaran berunsur Islam pula adalah penambahbaikan daripada garis panduan bahan penerbitan berunsur Islam. Beberapa aspek dimasukkan seperti pelakon (lakonan dan unggapan) dan satu item berkaitan akhlak secara umum (tidak mengandungi unsur-unsur yang bercanggah dengan akhlak). Garis panduan yang terakhir iaitu bahan penerbitan bercetak dan audio keseluruhannya berkaitan dengan akidah.

Namun kelemahan yang wujud adalah aspek skrip tidak dinyatakan. Walaupun terdapat aspek watak tetapi tidak tersusun dengan baik dan dalam kadar yang minimum. Manakala aspek audia dan visual disebut tetapi hanya berkaitan dengan akidah sedangkan aspek akhlak dan syariah belum dibicarakan dengan tuntas.

b) Garis Panduan Penapisan Filem (KDN, 2011)

Garis panduan penapisan filem pula telah diterbitkan oleh Bahagian Penapisan Filem dan Penguatkuasaan, Kementerian Dalam Negeri. Ia mengandungi empat aspek utama iaitu keselamatan dan ketenteraman awam, ketertiban dan ketatasuliaan, keagamaan dan sisiobudaya. Dalam aspek keselamatan garis panduan ini memfokuskan elemen keganasan, undang-undang, pemimpin dan jenayah. Keagamaan pula mengariskan aspek akidah, syariat dan akhlak sementara sosiobudaya memperincikan aspek kedaulatan negara, pemartabatan undang-undang, adegan negatif, adegan seram dan ganas serta isu sensitif dalam agama, ras dan budaya. Manakala ketertiban dan ketatasuliaan membicarakan pakaian, watak, bahasa dan adab. Namun kelemahan yang wujud adalah tiada perincian aspek skrip dan watak yang selari dengan piawaian syarak. Walaupun terdapat aspek pakaian dalam garispanduan ini tetapi tiada perincian kriteria pakaian patuh syariah sama ada lelaki dan wanita.

- c) Garis Panduan PUSPAL (Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara) (KPKKM, tt)

Dalam konteks garis panduan PUSPAL ia merupakan garis panduan permohonan khusus bagi penggambaran filem dan persembahan artis luar negara ke Malaysia. Ia mengandungi enam aspek utama iaitu skrip, penggambaran, pakaian artis lelaki, pakaian artis wanita dan gerak laku semasa persembahan. Garis panduan ini secara umumnya menjelaskan dua kategori iaitu filem dan persembahan hiburan. Namun kelemahan yang wujud adalah aspek pakaian dan skrip disentuh secara umum dan tiada diperincikan mengikut piawaian syarak. Manakala aspek pelakon tidak dinyatakan.

### **KRITERIA FILEM PATUH SYARIAH**

Pembentukan kriteria filem patuh syariah adalah berdasarkan kepada kaedah tringulasi data iaitu data yang melibatkan pengutipan pelbagai sumber dan jenis data untuk menyelidik fenomena yang sama. Ia berasaskan prinsip Islam, hukum fiqh, enam (6) fatwa iaitu tiga (3) fatwa-fatwa daripada Muzakarah Jawatankuasa Majlis Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam (MJMFK) dan tiga (3) Fatwa Negeri (WN) serta garis panduan daripada pihak JAKIM, KDN dan PUSPAL. Akhirnya, penulis membuat rumusan kriteria filem patuh syariah adalah merangkumi aspek akidah, akhlak, pakaian, watak, nyanyian, muzik, perkakasan dan latar atau lokasi. Manakala setiap kriteria tersebut diperincikan elemen-elemannya. Oleh kerana kriteria filem patuh syariah ini baru dibina dan belum wujud lagi di Malaysia, penilaian dari kumpulan pakar dilaksanakan bagi memastikan keabsahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*).

#### **Penilaian Kumpulan Pakar**

Wawancara telah dijalankan kepada lima (5) kumpulan pakar yang berautoriti dan berkelayakan dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan filem dan syariah. Mereka adalah;

- a) Azhari Mohd Zain (Pengarah Filem 7 Petala Cinta, 2012).
- b) Anhar Bin Opir (SS Timbalan Mufti Selangor).
- c) Naim Hj.Ahmad (Ketua Juri Anugerah Skrin 1998-2016).
- d) Hairulazam Ramli (Ketua Unit Kawalan Kandungan TV Hijrah Media Corporation).
- e) Suria Shapie dan Radihan Saari (Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, JAKIM).

Analisa wawancara pula menggunakan perisian ATLAS.ti versi 8.0 sebagai mekanisme yang memudahkan proses mencerakinkan maklum balas bagi pembinaan kriteria yang lebih berkredibiliti. Jadual 4 merupakan kriteria filem patuh syariah beserta perincian elemen-elemennya.

**Jadual 4: Kriteria Filem Patuh Syariah**

<b>KRITERIA</b>	<b>ELEMEN</b>
<b>AKIDAH</b>	<p>Tidak mengandungi unsur syirik, khurafat dan tahlul.</p> <p>Tidak mempersoal, mempersenda dan memperkecil kesucian Islam.</p> <p>Mesej bukan anti tuhan dan anti agama.</p> <p>Tema tiada unsur fahaman Pluralisme (menyamaratakan semua agama).</p> <p>Tema tiada unsur fahaman Liberalisme (kebebasan dalam agama).</p> <p>Plot penceritaan tidak bercanggah dengan empat (4) mazhab yang muktabar di sisi Ahli Sunnah wal Jamaah.</p> <p>Plot penceritaan tidak mempersoal kewibawaan sumber hukum agama seperti al-Quran, al-Sunnah, ijmak dan qias.</p> <p>Plot penceritaan tidak mengandungi unsur mempercayai ada nabi selepas Nabi Muhammad SAW.</p> <p>Plot penceritaan tidak mengandungi unsur wahyu masih turun selepas kewafatan Rasulullah SAW.</p> <p>Plot penceritaan tidak mengandungi <i>istighasah</i> (seruan terhadap orang mati) yang boleh memberi pertolongan dan berkat.</p> <p>Plot penceritaan tidak mengandungi elemen orang yang mati akan lahir semula (hukum <i>karma</i>)</p> <p>Plot penceritaan tidak mengandungi unsur mendewa-dewa dan pemujaan selain drp Allah SWT seperti kuasa hantu dan pokok.</p> <p>Plot penceritaan tidak megandungi elemen fantasi yang tidak memberi apa-apa manfaat.</p> <p>Plot penceritaan tiada mengandungi bentuk-bentuk mukjizat para Rasul.</p>
<b>AKHLAK</b>	<p>Tema solusi menunjukkan kekuatan atau kehebatan atau kemenangan unsur-unsur negatif hendaklah dilarang.</p> <p>Tidak mengandungi dialog atau ungkapan kasar, kesat, cabul dan lucah.</p> <p>Tidak mengandungi dialog atau ungkapan fitnah, adu domba dan hasutan.</p> <p>Tidak merendah dan mempersenda kewibawaan serta maruah agama atau ulama atau mufti.</p> <p>Tiada paparan <i>scene</i> atau syot atau frame mengerikan dan menakutkan yang melampau.</p> <p>Tiada paparan <i>scene</i> atau syot atau frame perlakuan hubungan sejenis.</p> <p>Tiada paparan <i>scene</i> merendah-rendahkan martabat wanita, lelaki, OKU atau kanak-kanak.</p> <p>Tiada paparan <i>scene</i> yang mengandungi sifat-sifat <i>mazmumah</i> (tercela).</p> <p>Tiada paparan <i>scene</i> atau syot atau frame yang boleh mengganggu emosi dan kesihatan.</p> <p>Tiada plot yang hanya membesar dan menekankan hiburan semata-mata.</p>

<b>WATAK</b>	<p>Tidak mengandungi unsur sensitif yang boleh disalah tafsir dalam agama atau dianggap menghina agama sama ada dialog atau lakonan.</p> <p>Tidak boleh melakonkan watak Rasulullah SAW atau nabi atau wakil nabi atau bertaraf nabi.</p> <p>Tidak boleh melakonkan watak malaikat, syaitan, Imam Mahdi dan isteri-isteri Nabi Muhammad SAW.</p> <p>Tidak boleh melakonkan watak empat (4) sahabat utama dalam kalangan Khulafa' al-Rashidin.</p> <p>Tidak melakonkan watak seseorang yang boleh memberi syafaat dan menebus dosa.</p> <p>Tiada adegan sama ada syot, frame atau <i>scene</i> bentuk-bentuk mukjizat para Rasul.</p> <p>Orang Islam tidak boleh melakonkan watak bomoh dan dukun yang mempunyai elemen syirik dan khurafat.</p> <p>Orang Islam tidak boleh melakonkan watak sami, paderi dan biarawati.</p> <p>Orang Islam tidak boleh melakonkan adegan minum arak dan judi.</p> <p>Orang bukan Islam tidak dibenarkan melakonkan watak tokoh agamawan Islam seperti ustaz, ulama dan lain-lain lagi.</p> <p>Tidak berlaku adegan sentuhan antara lelaki dan wanita seperti bertepuk atau sentuhan tangan pada anggota badan wanita atau lelaki yang bukan mahram kecuali yang dibenarkan (<i>rukhsah</i>) oleh agama.</p> <p>Tidak berlaku adegan bersalaman antara lelaki dan wanita bukan mahram.</p> <p>Tidak melakonkan watak yang menyerupai jantina yang berlainan sama ada lelaki atau wanita.</p> <p>Tiada lakonan lawak jenaka yang mempersendakan agama, kematian dan ulama.</p> <p>Tiada lakonan lawak jenaka yang boleh membawa maksud negatif seperti fitnah.</p> <p>Ungkapan kalimah syahadah mestilah sempurna tanpa pengurangan atau diungkapkan secara terbalik.</p> <p>Tiada adegan atau simbol yang boleh diinterpretasikan sesuatu yang negatif terhadap hukum dan nilai agama.</p> <p>Lakonan tidak mengandungi unsur yang menimbulkan penghinaan terhadap mana-mana agama, organisasi atau individu.</p> <p>Tidak melakonkan adegan ganas yang menyebabkan kecederaan fizikal, kematian dan gangguan emosi.</p> <p>Tidak melakonkan adegan jenayah dan kekerasan seperti perbuatan kejam, tembakan, tikaman, tumbukan dan tetakan.</p> <p>Tiada adegan yang menggenenggahkan cara menunggang atau mengendali kenderaan yang membahayakan diri atau orang lain.</p> <p>Tidak melakonkan gerak laku yang mengandungi simbol negatif atau yang boleh membawa maksud lucah dan memberahikan syahwat.</p> <p>Tiada adegan yang boleh menimbulkan trauma atau gangguan mental atau adegan bunuh diri.</p> <p>Tidak melakonkan adegan cara pengambilan dan</p>
--------------	---

	<p>penggunaan dadah.</p> <p>Tidak melakonkan adegan seks sama ada lelaki dan wanita atau seks sejenis atau seks luar tabie.</p> <p>Tidak melakonkan adegan pendedahan tubuh badan bogel.</p> <p>Tidak melakonkan aksi meraba-raba tubuh atau adegan bercium dan memberahkan.</p> <p>Tidak melakonkan adegan perpelukan antara lelaki dan wanita walaupun pelakon tersebut adalah suami isteri yang sah kecuali telah dimaklumkan terlebih dahulu oleh pihak penerbit kepada khalayak.</p> <p>Tiada adegan yang menyindir atau mempersendakan atau memburukkan pemimpin, raja atau kerajaan tertentu.</p> <p>Tiada adegan yang mengagung-agungkan sesuatu kaum atau suku bangsa sehingga menyinggung perasaan kaum, bangsa dan agama yang lain.</p> <p>Tiada adegan kelakuan kurang ajar kepada ibu bapa, orang tua, kanak-kanak, wanita dan OKU berdasarkan agama atau norma masyarakat.</p> <p>Tidak melakonkan adegan penindasan kaum atau masyarakat tertentu.</p> <p>Tidak melakonkan adegan penyeksaan manusia atau haiwan.</p>
<b>PAKAIAN CARA UMUM</b>	<p>Wajib menutup aurat berdasarkan kepatuhan syarak.</p> <p>Non Muslim tertakluk kepada adab dan tatacara pemakaian sopan mengikut kepercayaan dan budaya dan adat resam masing-masing.</p> <p>Tidak memakai pakaian rasmi agama lain seperti sami, paderi dan biarawati.</p> <p>Tidak boleh memakai pakaian yang menyerupai gender yang berbeza (lelaki memakai pakaian wanita atau wanita memakai pakaian lelaki).</p> <p>Tiada corak atau aksoseri atau fesyen pakaian yang berlebihan sehingga menarik perhatian orang lain dan menimbulkan fitnah.</p> <p>Tiada solekan yang melampau dan yang boleh ditafsirkan sebagai mempersendakan hukum agama atau budaya seperti bersolek atau berpakaian sikh, baju melayu dan lain-lain.</p>
<b>PAKAIAN LELAKI</b>	<p>Tidak boleh memakai pakaian yang diperbuat daripada kain sutera.</p> <p>Tidak memakai material yang diperbuat daripada emas seperti cincin.</p> <p>Tidak memakai kalung, rantai, rambut palsu atau sambung rambut.</p> <p>Tidak dibenarkan mewarnakan rambut <i>dai</i> kecuali menggunakan warna inai dan rambut tidak menyerupai golongan atau kumpulan yang negatif dan bercanggah dengan agama.</p>
<b>PAKAIAN WANITA</b>	<p>Memakai tudung yang sempurna hingga ke paras dada.</p> <p>Tidak memakai pakaian yang nipis hingga menampakkan warna kulit, coli dan jelas bentuk payu dara.</p> <p>Tidak memakai pakaian yang ketat hingga menampakkan bentuk tubuh.</p> <p>Tidak memakai wangи-wangian yang berlebihan sehingga menarik perhatian lelaki.</p> <p>Tidak memakai baju mandi atau bikini.</p>

	Tidak mencukur alis mata.
<b>NYANYIAN</b>	<p>Lirik lagu tidak mengandungi unsur syirik seperti pemujaan kepada manusia atau alam.</p> <p>Lirik tidak mengandungi kata-kata (senikata) atau simbol-simbol atau makna yang boleh membawa kepada penyelewengan atau menyalahi akidah dan syarak.</p> <p>Lirik lagu tidak mengandungi unsur maksiat, lucah dan syahwat.</p> <p>Lirik lagu tidak mengandungi kalimah syahadah yang tidak sempurna dan mestilah menyebutnya mengikut kaedah yang betul.</p> <p>Lirik lagu tidak mengandungi unsur penghinaan, fitnah dan merendahkan individu, organisasi, agama dan budaya tertentu.</p> <p>Lirik lagu daripada terjemahan al-Quran dan hadis dibenarkan.</p> <p>Lirik lagu ayat al-Quran tidak dibenarkan kecuali dengan kaedah <i>iqtibas</i> dan dibaca mengikut hukum tajwid.</p> <p>Lirik lagu daripada matan hadis tidak dibenarkan kerana dibimbangi berlaku kesalahan sebutan yang boleh membawa kepada perubahan pada makna.</p> <p>Tidak menggunakan teks al-Quran atau hadis dan dimanipulasikan dalam apa-apa tujuan.</p> <p>Tidak mengandungi ungkapan mengutuk nasib dan mempersoalkan takdir (ketentuan) Allah SWT.</p> <p>Tidak dibenarkan nasyid berbentuk doa daripada ajaran sesat dan menyeleweng.</p> <p>Tidak boleh azan yang tidak sempurna</p>
<b>MUZIK</b>	<p>Tidak boleh digunakan untuk mengiringi bacaan al-Quran dan azan.</p> <p>Dilarang menggunakan alunan muzik yang keras dan hiruk pukuk serta merangsang kepada sifat agresif.</p> <p>Tidak alunan muzik yang boleh membawa kepada kealpaan dan lupa diri.</p> <p>Tidak melambangkan pemujaan atau dianggap <i>skral</i> (berkaitan dengan atau untuk upacara suci) oleh menganut lain.</p> <p>Tidak membangkitkan emosi negatif.</p> <p>Bukan suara <i>erotik</i> (membangkitkan nafsu syahwat, menggairahkan, memberahikan).</p>
<b>PERKAKASAN @ PENGIMEJAN (15)</b>	<p>Semua bentuk imej berbentuk patung sama ada lengkap atau tidak atau sama ada berbentuk manusia atau haiwan adalah dilarang.</p> <p>Patung-patung binatang dengan tidak ada maksud untuk disucikan atau diagung-agungkan juga haram kecuali patung mainan kanak-kanak dan yang dibuat dari bahan makanan seperti manisan dan sebagainya.</p> <p>Gambar yang disembah, disucikan atau yang bertujuan untuk diagung-agungkan adalah haram seperti golongan anti-Tuhan, orang zalim atau pemimpin.</p> <p>Gambar fauna seperti pokok, lautan, gunung ganang, bukit bukau, sungai dan langit dibenarkan.</p> <p>Tiada imej, gambar atau simbol yang boleh membawa kepada unsur negatif dan lucah.</p> <p>Tiada imej, gambar atau simbol yang boleh membawa</p>

	<p>kepada unsur yang menyalahi syarak.</p> <p>Tiada sudut paparan imej atau gambar yang diambil yang menyalahi hukum dan norma seperti sudut gambar dari cerah kelangkang dan lain-lain lagi.</p> <p>Fotografi tidak mengandungi objek yang diharamkan.</p> <p>Tiada Ilustrasi para nabi dan Rasul.</p> <p>Tiada ilustrasi empat (4) sahabat utama (Abu Bakar al-Siddiq, Umar al-Khtattab, Uthman Affan dan Ali RA).</p> <p>Tiada ilustrasi para malaikat.</p> <p>Tiada ilustrasi syaitan atau simbol yang bertentangan dengan agama.</p> <p>Tiada ilustrasi mu'jizat para Rasul.</p> <p>Tiada peralatan yang diperbuat daripada emas dan perak yang asli sama ada digunakan untuk makan dan minum, penulisan, perhubungan dan perabot.</p> <p>Tidak dibenarkan peralatan muzik yang dilarang oleh syarak.</p>
--	--

## KESIMPULAN

Pertama: Pembinaan kriteria patuh syariah dihasilkan melalui kaedah tringulasi daripada analisa kandungan berdasarkan prinsip, hukum fiqh, fatwa dan garis panduan berkaitan filem.

Kedua: Wawancara diproses menggunakan perisian ATLAS.ti bagi memudahkan data dicerakinkan dan disusun dengan sistematik.

Ketiga: Terdapat lapan (8) kriteria filem patuh syariah yang telah dibina iaitu akidah, akhlak, watak, nyanyian, muzik, latar, pakaian dan perkakasan dan pengimejan. Setiap kriteria telah diperincikan elemennya.

Keempat: Kriteria filem patuh syariah boleh dijadikan garis panduan kepada semua pemain industri filem seperti penulis skrip, pengarah dan penerbit filem tanpa menafikan kreativiti dalam berkarya.

## PENGHARGAAN

Penyelidikan ini disokong oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (FRGS/1/2016).

## RUJUKAN

- Abdullah Muhammad Zain. (1992). *Al-akhlāq al-Islāmiyyah wā Āthāruhā fī Bina' al-Mujtama'*. Cet. 1. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Abu Abdillah Al Qurthubi. (1985). *Jami' Li Ahkam Al Qur'an*. Juz. 12. Beirut Lebanon: Dar Ihya' at Turats.
- Ahmad Ibnu 'Ali Ibnu Hajar Al-'Asqalani (1985). *Taghliq al-Ta'liq 'ala Sahih Al-Bukhari*. Jil. 5. Beirut: Al-maktabah Al-Islami.
- Adi Prajaya. (1999). *Film dan Masyarakat: Sebuah Pengantar*. Cet. 2. Jakarta: BP SDM Citra.

- Aisyah Bt Hadi Munir @ A. Hadi & Muhamad Faisal Bin Ashari. (2015). *Kesan Seram Terhadap Pegangan Agama: Suatu Tinjauan Literatur*. Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI 2015). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anisah Sarji. (1996). *Pola Pengamalan Profesionalisme Dalam Industri Filem Malaysia*. Kuala Lumpur: Perbadanan Filem Nasional Malaysia (FINAS).
- Azizi Yahaya et. Al. (2014). Pengaruh Media Berunsur Agresif dan Kesannya Terhadap Tingkahlaku Pelajar Sekolah Menengah. *Proceeding of National Action Research Conference*.
- Bahagian Dasar Kebudayaan. (t.t), Garis Panduan PUSPEL, Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan dan Kebudayaan Malaysia (KPKK).
- Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguinkuasa. (2011). *Garis Panduan Penapisan Filem*. Cet .11. Kuala Lumpur: Kementerian Dalam Negeri (KDK).
- Dusuki Ahmad. (2011). Menerapkan Nilai Agama Dan Keprihatinan Umat Dalam Filem Dan Drama. Dalam Nor Hartini Saari (Ed.). *Pemerkasaan Televisyen dalam Mendidik Masyarakat*.
- Ismail Bin Umar Bin Kathir. (t.t). *Tafsir al-Quran al-Azim*. Cet. 6. Riyad: Dar al-Salam.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). Garis Panduan Hiburan dalam Islam. Edisi 2. Putrajaya: JAKIM.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). Garis Panduan Penapisan Bahan Penerbitan Berunsur Islam. Putrajaya: JAKIM.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). Garis Panduan Kandungan Bahan-bahan Penyiaran Berunsur Islam. Putrajaya: JAKIM.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). Garis Panduan Bahan Penerbitan Bercetak dan Audio Visual Berhubung dengan Unsur-unsur yang Bercanggah dengan Akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah. Putrajaya: JAKIM.
- Jafril Khalil, Konsep dan Falsafah Perundangan Islam, dalam Siti Zalikhah Hj. Md. Nor. (1999). *Al-Syariah: Konsep dan Perundangan Islam*. Jilid 1.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghazali Darusalam. (1997). *Dinamika Ilmu Akhlak Islam*. Cet. 1. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Heru Efendi. (2002), *Mari Membuat Film: Panduan Menjadi Produser*. Cet. 4. Yogyakarta: Panduan.
- Himawan Pratista. (2009), *Memahami Film*. Yokyakarta: Pustaka Homerian.
- Jess K. Alberts, et al. (2007). *Human Communication in Society*. London: Pearson Prentice Hall.
- Jason J. Tomaric. (2011). *Film Making: Direct Your Movie from Script to Screen using Proven Hollywood Techniques*. Cet. 1. US: Focal Press.
- Mark De Wayne. (2002). *Making Your Film for Less Outside The U.S.* Cet 1. New York: Allworth Press.
- Maznah Daud. (1997). *Pengenalan Syari'ah*. Cet. 1. Shah Alam: Dynamic Educare.

- Mohd Nor Mamat & Siti Fatahiyah Mahamood. (2013). *Persepktif Sains Informasi dan Komunikasi Islam*. Selangor: IIIi Education.
- Mohd Sulaiman Hj.Yasin (1987). *Pengantar Akidah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Hamidullah. (1983). *Introduction to Islam*. Vol. 2. International Islamic Federation of Student Organization.
- Muhammad Ibn 'Ali Muhammad al-Shaukani. (1982). *Nayl al-Awtar: Sharh Muntaqa al-Akhbar min Ahadith Sayyid al-Akhyar*. Beirut: Dar Al-Jalil.
- Muhammad Nasir Al-Din Al-Bani. (1958). *Silsilah al-Ahadith wa Shay' min Fiqhiha wa Fawa'idhiha*. Jil 1. Beirut: Al-Maktabah Al-Islami.
- Muhammad Rashid Redha. (1967). *Tafsir Al-Qur'an Al-Karim*. Jil. Vi. Kaherah: Darul Katib Al-Arabi.
- Mustafa al-Khin dan Mustafa al-Bugha. (2008). *Al-Fiqh Al-Manhaji*. Jil 1. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Mustafa Said Al-Khan. (1996). *Al-Aqidah Al-Islamiah: Arkanuha Haqaiquha Mufsidatuha*. Cet. 1. Damsyik: Dar Ibn Kathir.
- Naim Hj Ahmad. (2011). *Filem Islam Satu Perbicaraan*. Shah Alam: Uni-N Production Sdn. Bhd.
- Norman Yusof. (2014). Hubungan Sinema dan Islam dari Perspektif Genre. Kertas Kerja Pembentangan Seminar Filem Islam: Falsafah Nilai dan Cabaran. Anjuran Pusat Antarabangsa Kebudayaan Islam Universiti Islam Antarabangsa (Citra UIAM) dan FINAS. 22 April 2014.
- Peter Hartley and Clive G. Bruckmann. (2002). *Business Communication*. London: Pearson Prentice Hall.
- Rahid Redza Bin Haji Md. Saleh. (tt). *Garis Panduan Hukum Mengenai Khurafat dan Azimat*. Melaka: Jabatan Mufti Negeri Melaka.
- Strauss dan Corbin's, Basic of Qualitative Research: Technologies and Procedurse for Developing Grounded Theory, (USA: Sage Publication, 1998).
- Sulayman Ibn Ahmad al-Tabarani. (1976). *Al-Mu'jam Al-Kabir*. Baghdad: Al-Dar Al-Arabiyah lil Tiba'ah.
- Suria Hani A. Rahman, Mazni Buyong, Mohd Faizal Kasmani and Noor Adzrah Ramle. (2010). "Religious theme in film", dalam Mazni Buyong, Nur Kareelawati Abd Karim, Sofia Hayati Yusoff & Suria Hani A. Rahman (Eds.). Portrayal of Islam in the Media, Nilai, Selangor: USIM.
- Noresah Baharom (2007). *Kamus Dewan*. Cet 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Bin Muhammad Bin Soleh al-Umrani (2008). *al-Mar'ah al-Mithaliyah*. Cet 1. Iskandariah: Dar al-Iman.
- William Kenney. (1975). *How to Analyze Fiction*. Macmillan Publishing Company. UK.
- Yaakub Idrus. (1966). *Rumah Tradisi Negeri Sembilan: Satu Aanalisis Seni Bina Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Yusuf al-Qaradhawi. (1980). *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

- Yusof Al-Qardhawi. (2006). *Fiqh Al-Lahwu wa Al-Tarwih*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Zahazan Mohamed. (2006). *Anakku Hebat Anakku Soleh*. Cet. 1, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Zoheir Sabaghpor Azarian. (2009). Influence of Media Viewing Habits on Attitude towards Aggression among Scholboys at International School in Kuala Lumpur. Ijazah Master, Institut Pengajian Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia.

